



8 September 2021
8 September 2021
P.U. (A) 356

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

UNDANG-UNDANG KECIL SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (PELABUHAN PULAU PINANG) (SKALA KADAR) 2021

PENANG PORT COMMISSION (PENANG PORT) (SCALE OF RATES) BY-LAWS 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG 1955

UNDANG-UNDANG KECIL SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
(PELABUHAN PULAU PINANG) (SKALA KADAR) 2021

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-
undang
kecil

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

CAJ AKAUN VESEL

3. Jenis caj
4. Dius pelabuhan
5. Caj marin disatukan
6. Caj perkhidmatan pemaliman
7. Caj penahanan malim
8. Caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan pemaliman
9. Caj perkhidmatan penundaan
10. Caj penahanan bot tunda
11. Caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan penundaan
12. Caj penggunaan himpitan
13. Caj penumpang

BAHAGIAN III
CAJ AKAUN PENERIMA KONSAIN ATAU PEMBERI KONSAIN

14. Jenis caj
15. Caj am
16. Caj pesisir depan jeti persendirian, pemasangan dan terminal
17. Caj pengendalian dermaga
18. Caj penyimpanan
19. Caj pengendalian dermaga bagi kontena
20. Caj pergerakan tambahan bagi kontena
21. Caj membuka dan menutup penutup petak
22. Caj penyimpanan bagi kontena atau kargo pecah pukal dalam SBK
23. Caj kontena yang ditinggalkan
24. Caj perkhidmatan kontena sejuk

BAHAGIAN IV
PELBAGAI

25. Notis untuk memunggah atau memuat kargo
26. Menyimpan kargo untuk pengiriman
27. Caj terkurang
28. Caj berlebihan
29. Pembayaran caj
30. Tanan yang boleh dikenakan caj
31. Kadar kargo pindah kapal
32. Kadar kargo yang dipaletkan atau diunitkan
33. Caj penyimpanan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG 1955

UNDANG-UNDANG KECIL SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG
(PELABUHAN PULAU PINANG) (SKALA KADAR) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 32, 33, 34, 66 dan 67 Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [*Akta 140*], Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, dengan kelulusan Menteri, membuat undang-undang kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pelabuhan Pulau Pinang) (Skala Kadar) 2021**.

(2) Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa pada 9 September 2021.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“barangan berbahaya” ertinya barangan berbahaya sama ada dalam bentuk dibungkus, dikontenakan atau diangkut secara pukal, dan termasuklah barangan yang diklasifikasikan oleh Suruhanjaya mengikut kumpulan yang dinyatakan dalam Jadual C kepada Undang-Undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1957 [*L.N. (N.S.) 93/1957*] dan mematuhi Kod BBMA dan penyiaran PMA lain yang berkaitan yang dipinda dari semasa ke semasa dan diguna pakai oleh Suruhanjaya;

“bungkusan” termasuklah apa-apa kotak, bakul, tong, bekas, peti, guni, beg, pembalut, sampul atau penutup atau benda lain yang di dalamnya apa-apa kargo ditempatkan bagi maksud untuk dibawa, dikonsain, diangkut, diimport atau dieksport;

“dermaga Suruhanjaya” ertinya sesuatu himpitan, dermaga, dok, tambangan atau tempat pendaratan yang dikendalikan atau dikawal oleh Suruhanjaya;

“hari” berhubung dengan sesuatu transaksi, ertinya tempoh selama dua puluh empat jam dari masa permulaan transaksi itu dengan Suruhanjaya;

“himpitan” ertinya sesuatu dok, tambangan, jeti, bagan, tempat pendaratan atau dermaga yang bersambung dengan pesisir bahagian pantai;

“kargo pindah kapal” ertinya kargo yang didaratkan dari suatu vesel dan ditempatkan dalam jagaan Suruhanjaya bagi maksud pengiriman di atas suatu vesel lain melalui bil muatan yang ditarikhkan di pelabuhan yang kargo itu dimuatkan dan yang menunjukkan bahawa destinasiya adalah melalui Pelabuhan Pulau Pinang, dan destinasi pelabuhan terakhir yang hendaklah suatu pelabuhan selain Pelabuhan Pulau Pinang ditandakan pada setiap bungkusan atau unit yang mengandungi kargo itu dan diisytiharkan kepada Suruhanjaya sebelum atau pada masa kargo itu diletakkan dalam jagaan Suruhanjaya;

“kargo yang dipaletkan” ertinya kargo dalam bungkusan atau unit kecil yang telah dibalut, diikat, atau dibalut dan diikat bersama dan ditempatkan di atas suatu palet;

“kargo yang diunitkan” ertinya kargo dalam bungkusan atau unit kecil yang telah dibalut, diikat, atau dibalut dan diikat bersama sebagai suatu unit tunggal;

“KMK” ertinya Kontena Muatan Kurang yang diisytiharkan oleh syarikat perkapalan atau ejennya dalam manifes, senarai pemunggahan kontena, senarai muatan atau penyata terdahulu eksport, yang dikemukakan kepada Suruhanjaya sebelum pemunggahan atau pemuatan sesuatu kargo ke atas sesuatu vesel;

“KMP” ertinya Kontena Muatan Penuh yang diisytiharkan oleh syarikat perkapalan atau ejennya dalam manifes, senarai pemunggahan kontena, senarai muatan

atau penyata terdahulu eksport, yang dikemukakan kepada Suruhanjaya sebelum pemungghaan atau pemuatan sesuatu kargo ke atas sesuatu vesel;

“Kod BBMA” ertinya Kod Barangan Berbahaya Maritim Antarabangsa yang disiarkan oleh PMA;

“Pengurus” ertinya mana-mana pegawai yang menjaga operasi pelabuhan masing-masing atau mana-mana pegawai lain yang bertindak di bawah atau dengan kuasa pegawai yang menjaga;

“PK” ertinya panjang keseluruhan sesuatu vesel yang diukur dari titik paling hadapan vesel itu ke titik paling belakang vesel itu;

“PMA” ertinya Pertubuhan Maritim Antarabangsa;

“premis Suruhanjaya” termasuklah mana-mana tempat yang dimiliki atau diduduki oleh Suruhanjaya dan diuntukkan oleh Suruhanjaya bagi pendaratan dan pengapalan apa-apa kargo, termasuk mana-mana bahagian tebing sungai yang dimiliki atau diduduki sedemikian yang telah diperbaiki untuk memudahkan pendaratan dan pengapalan itu dan mana-mana pesisir depan yang dimiliki atau diduduki sedemikian dan digunakan bagi maksud sedemikian;

“SBK” ertinya Stesen Barangan Kontena di dalam premis Suruhanjaya;

“simpanan percuma” ertinya tempoh yang dinyatakan yang sesuatu kargo atau kontena memenuhi ruang yang diberikan kepadanya di dalam premis Suruhanjaya tanpa caj penyimpanan;

“syif” ertinya tiga waktu bekerja yang berulang-ulang dalam satu hari seperti yang berikut:

- (a) syif pertama: dari pukul 0730 sehingga pukul 1530 pada hari yang sama;

(b) syif kedua: dari pukul 1530 sehingga pukul 2330 pada hari yang sama; dan

(c) syif ketiga: dari pukul 2330 sehingga pukul 0730 pada hari berikutnya;

“Tahun Pertama” ertinya tarikh bermula 9 September 2021 sehingga hari terakhir pada 8 September 2022;

“Tahun Kedua” ertinya tarikh bermula satu hari selepas Tahun Pertama sehingga hari terakhir dua belas bulan berikutnya;

“Tahun Ketiga” ertinya tarikh bermula satu hari selepas Tahun Kedua sehingga hari terakhir dua belas bulan berikutnya;

“Tahun Keempat” ertinya tarikh bermula satu hari selepas Tahun Ketiga sehingga hari terakhir dua belas bulan berikutnya;

“Tahun Kelima” ertinya tarikh bermula satu hari selepas Tahun Keempat sehingga hari terakhir dua belas bulan berikutnya;

“tan” ertinya satu tan metrik yang bersamaan dengan satu ribu kilogram atau satu meter padu; dan

“TK” ertinya tanan kasar yang didaftarkan bagi sesuatu vesel yang diukur mengikut Konvensyen Antarabangsa Pengiraan Tanan Kapal 1969.

BAHAGIAN II

CAJ AKAUN VESEL

Jenis caj

3. Suruhanjaya boleh mengenakan jenis caj yang berikut ke atas pengguna pelabuhan dan caj itu hendaklah dikreditkan ke dalam akaun vesel:

- (a) dius pelabuhan;
- (b) caj marin disatukan;
- (c) caj perkhidmatan pemaliman;
- (d) caj penahanan malam;
- (e) caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan pemaliman;
- (f) caj perkhidmatan penundaan;
- (g) caj penahanan bot tunda;
- (h) caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan penundaan;
- (i) caj penggunaan himpitan; dan
- (j) caj penumpang.

Dius pelabuhan

4. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar dius pelabuhan kepada Suruhanjaya berasaskan PK sesuatu vesel yang memasuki Pelabuhan Pulau Pinang pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama.

(2) Walau apa pun perenggan (1), vesel yang berikut dikecualikan daripada membayar dius pelabuhan:

- (a) vesel kepunyaan Kerajaan Malaysia; dan
- (b) vesel yang singgah di Pelabuhan Pulau Pinang bagi maksud kecemasan dengan syarat tiada kargo dimuatkan atau dipunggah, dan tiada bekalan air atau bekalan minyak diambil.

Caj marin disatukan

5. (1) Seseorang pengguna pelabuhan, berhubung dengan vesel yang tiba di dan berlepas dari Pelabuhan Pulau Pinang, hendaklah membayar caj marin disatukan kepada Suruhanjaya bagi perkhidmatan yang berikut:

(a) perkhidmatan pemaliman ke himpitan pertama (termasuk terminal persendirian) dan perkhidmatan pemaliman dari himpitan terakhir (termasuk terminal persendirian); dan

(b) perkhidmatan penundaan semasa vesel menghimpit dan meninggalkan himpitan yang disebut dalam subperenggan (a).

(2) Caj marin disatukan dalam perenggan (1) hendaklah berasaskan PK vesel bagi setiap persinggahan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Pertama.

(3) Caj marin disatukan di bawah perenggan ini terpakai bagi tiap-tiap vesel yang menghimpit di sesuatu dermaga.

Caj perkhidmatan pemaliman

6. (1) Seseorang pengguna pelabuhan yang meminta perkhidmatan pemaliman selain perkhidmatan pemaliman yang diberikan di bawah subperenggan 5(1)(a) bagi pergerakan di dalam daerah pemaliman hendaklah membayar caj perkhidmatan pemaliman kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual Pertama.

(2) Caj perkhidmatan pemaliman di bawah perenggan (1) hendaklah dikira dari masa perkhidmatan itu diminta sehingga masa perkhidmatan itu disiapkan dan berasaskan PK vesel itu.

(3) Perkhidmatan pemaliman untuk memasuki atau meninggalkan pelabuhan adalah wajib bagi seseorang pengguna pelabuhan berhubung dengan vesel enam ratus TK dan ke atas.

(4) Perkhidmatan pemaliman untuk menghimpit atau meninggalkan dermaga adalah wajib bagi seseorang pengguna pelabuhan berhubung dengan vesel dua ratus TK dan ke atas.

(5) Walau apa pun perenggan (3) dan (4), Suruhanjaya boleh, menurut budi bicaranya sendiri, menentukan mana-mana vesel untuk meminta perkhidmatan pemaliman walaupun vesel itu tidak termasuk di bawah had TK bagi pemaliman wajib.

(6) Caj perkhidmatan pemaliman di bawah perenggan ini hendaklah terpakai bagi tiap-tiap vesel yang menghimpit di sesuatu dermaga atau berlabuh di sesuatu tempat berlabuh.

Caj penahanan malim

7. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penahanan malim kepada Suruhanjaya jika—

(a) malim menunggu di stesen malim bagi ketibaan sesuatu vesel; atau

(b) malim menunggu di dermaga atau tempat berlabuh bagi perlepasan sesuatu vesel.

(2) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penahanan malim bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya yang dikira dari masa perkhidmatan itu diminta pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 4 Jadual Pertama.

(3) Caj penahanan malim di bawah perenggan ini terpakai bagi tiap-tiap vesel yang menghimpit di sesuatu dermaga atau berlabuh di sesuatu tempat berlabuh.

Caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan pemaliman

8. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membuat permintaan, perubahan atau pembatalan bagi perkhidmatan pemaliman kepada Suruhanjaya—

(a) tidak kurang dari satu setengah jam sebelum ketibaan sesuatu vesel;
atau

(b) tidak kurang dari setengah jam sebelum perlepasan atau
penganjakan sesuatu vesel di dalam daerah pemaliman.

(2) Jika permintaan, perubahan atau pembatalan perkhidmatan pemaliman dibuat kurang dari tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1), pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan pemaliman itu kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 5 Jadual Pertama.

(3) Caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan pemaliman di bawah perenggan ini hendaklah terpakai bagi tiap-tiap vesel yang menghimpit di sesuatu dermaga atau berlabuh di sesuatu tempat berlabuh.

Caj perkhidmatan penundaan

9. (1) Seseorang pengguna pelabuhan yang meminta perkhidmatan penundaan selain perkhidmatan penundaan yang diberikan di bawah subperenggan 5(1)(b) bagi pergerakan di dalam daerah pemaliman, hendaklah membayar caj perkhidmatan penundaan kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 Jadual Pertama.

(2) Caj perkhidmatan penundaan di bawah perenggan (1) hendaklah dikira dari masa bot tunda itu meninggalkan pangkalannya hingga masa bot tunda itu kembali ke pangkalannya.

(3) Caj perkhidmatan penundaan di bawah perenggan ini hendaklah terpakai bagi tiap-tiap vesel yang menghimpit di sesuatu dermaga atau berlabuh di sesuatu tempat berlabuh.

Caj penahanan bot tunda

10. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penahanan bot tunda kepada Suruhanjaya bagi penahanan sesuatu bot tunda yang disebabkan oleh kelewatan ketibaan atau perlepasan sesuatu vesel.

(2) Caj penahanan bot tunda dalam perenggan (1) hendaklah dikira bagi kelewatan setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya dari masa perkhidmatan itu diminta pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Jadual Pertama.

(3) Caj penahanan bot tunda di bawah perenggan ini terpakai bagi tiap-tiap vesel yang menghimpit di sesuatu dermaga atau berlabuh di sesuatu tempat berlabuh.

Caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan penundaan

11. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membuat permintaan, perubahan atau pembatalan perkhidmatan penundaan kepada Suruhanjaya tidak kurang dari setengah jam sebelum masa perkhidmatan penundaan itu diminta, diubah atau dibatalkan.

(2) Jika permintaan, perubahan atau pembatalan perkhidmatan penundaan dibuat kurang dari tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1), pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan penundaan kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 8 Jadual Pertama.

(3) Caj bagi permintaan lewat, perubahan atau pembatalan perkhidmatan penundaan di bawah perenggan ini terpakai bagi tiap-tiap vesel yang menghimpit di sesuatu dermaga atau berlabuh di sesuatu tempat berlabuh.

Caj penggunaan himpitan

12. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah, berhubung dengan vesel yang menduduki himpitan di dermaga Suruhanjaya, membayar caj penggunaan himpitan kepada Suruhanjaya.

(2) Caj penggunaan himpitan dalam perenggan (1) hendaklah termasuk caj buruh bagi vesel menghimpit dan meninggalkan himpitan.

(3) Caj penggunaan himpitan dalam perenggan (1) hendaklah berasaskan klasifikasi jenis vesel pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 9 Jadual Pertama.

(4) Jika sesuatu vesel tidak termasuk di bawah jenis vesel atau baj yang dinyatakan dalam perenggan (3), caj penggunaan himpitan hendaklah berdasarkan klasifikasi jenis vesel atau baj yang dinyatakan dalam perenggan (3) sebagaimana yang ditentukan oleh Pengurus.

(5) Berhubung dengan vesel tangki untuk produk cecair yang membawa kedua-dua barangan berbahaya dan barangan tidak berbahaya, vesel tangki itu hendaklah disifatkan sebagai vesel tangki yang membawa barangan berbahaya bagi maksud pengenaan caj penggunaan himpitan dan caj penggunaan himpitan hendaklah berasaskan kadar yang terpakai bagi vesel tangki untuk produk cecair yang membawa barangan berbahaya sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (3).

Caj penumpang

13. Seseorang penumpang hendaklah, termasuk penumpang dalam transit, membayar caj penumpang kepada Suruhanjaya bagi menaiki atau menuruni sesuatu vesel di dermaga Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 10 Jadual Pertama.

BAHAGIAN III
CAJ AKAUN PENERIMA KONSAIN ATAU PEMBERI KONSAIN

Jenis caj

14. Suruhanjaya boleh mengenakan jenis caj yang berikut ke atas pengguna pelabuhan dan caj itu hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penerima konsain atau pemberi konsain:

- (a) caj am;
- (b) caj pesisir depan jeti persendirian, pemasangan dan terminal;
- (c) caj pengendalian dermaga;
- (d) caj penyimpanan;
- (e) caj pengendalian dermaga bagi kontena;
- (f) caj pergerakan tambahan bagi kontena;
- (g) caj membuka dan menutup penutup petak;
- (h) caj penyimpanan bagi kontena atau kargo pecah pukal dalam SBK;
- (i) caj kontena yang ditinggalkan; dan
- (j) caj perkhidmatan kontena sejuk.

Caj am

15. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj am di dermaga Suruhanjaya bagi pengapalan atau pemunggahan kargo di dalam Pelabuhan Pulau Pinang pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Kedua.

(2) Walau apa pun perenggan (1), kargo yang berikut dikecualikan daripada caj am:

- (a) kargo ikan segar tempatan selain kargo yang didaratkan di dermaga, tambangan atau jeti Suruhanjaya;
- (b) kargo yang dipunggah dan dikapalkan semula untuk memudahkan penyimpanan; dan

(c) kargo yang terlebih didaratkan yang kemudiannya dikapalkan ke pelabuhan destinasi dengan syarat kargo itu dikapalkan semula dalam tempoh dua puluh lapan hari dari tarikh kemasukan dan masa pemunggahan kargo yang terlebih didaratkan itu hingga waktu sebenar vesel penyambung yang berikutnya menghimpit.

(3) Berhubung dengan kenderaan bagi kegunaan industri, caj am hendaklah berasaskan kadar yang terpakai bagi kargo pecah pukal.

(4) Sesuatu kontena kosong tidak dikenakan caj am.

Caj pesisir depan jeti persendirian, pemasangan dan terminal

16. (1) Seseorang penerima konsain atau pekapal hendaklah membayar caj pesisir depan bagi kargo atau kenderaan yang melintasi pesisir depan jeti persendirian, pemasangan dan terminal di dalam had pelabuhan Pelabuhan Pulau Pinang selain pesisir depan di dalam premis Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 2 Jadual Kedua.

(2) Sesuatu kontena kosong tidak dikenakan caj pesisir depan.

Caj pengendalian dermaga

17. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian dermaga kepada Suruhanjaya bagi pengendalian kargo di dermaga Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 3 Jadual Kedua.

(2) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian dermaga kepada Suruhanjaya bagi pengendalian kenderaan motor di dermaga Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 4 Jadual Kedua.

(3) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian dermaga kepada Suruhanjaya bagi pengendalian kargo pindah kapal di dermaga Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 5 Jadual Kedua.

(4) Bagi maksud perenggan ini, caj pengendalian dermaga termasuk penerimaan dan pengapalan semula di dermaga Suruhanjaya.

Caj penyimpanan

18. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyimpanan kepada Suruhanjaya bagi penyimpanan—

- (a) kargo import di dalam gudang atau tempat simpanan terbuka pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 Jadual Kedua;
- (b) kargo eksport di dalam gudang atau tempat simpanan terbuka pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 7 Jadual Kedua;
- (c) kargo di dalam gudang terikat pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 8 Jadual Kedua;

Kargo yang disebut dalam subperenggan ini tidak boleh diberikan apa-apa tempoh penyimpanan percuma; dan

- (d) kenderaan motor pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 6 dan Bahagian 7 Jadual Kedua.

(2) Jika seseorang pengguna pelabuhan memohon suatu tempoh penyimpanan selain tempoh penyimpanan yang disebut dalam perenggan (1), pengguna pelabuhan itu hendaklah membayar caj tempoh penyimpanan jangka panjang kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 9 Jadual Kedua.

Caj pengendalian dermaga bagi kontena

19. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian dermaga bagi kontena kepada Suruhanjaya bagi pengendalian kontena, tidak termasuk caj pemungkah kargo, di dermaga Suruhanjaya—

- (a) yang menggunakan derik vesel pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 10 Jadual Kedua; dan

- (b) yang menggunakan kren pelabuhan atau tanjakan ro-ro pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 11 Jadual Kedua.

(2) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pengendalian dermaga bagi kontena kepada Suruhanjaya bagi pengalihan kontena di dermaga Suruhanjaya—

- (a) yang menggunakan derik vesel pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 12 Jadual Kedua; dan

- (b) yang menggunakan kren pelabuhan pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 13 Jadual Kedua.

Caj pergerakan tambahan bagi kontena

20. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj pergerakan tambahan bagi kontena kepada Suruhanjaya bagi pengendalian kontena di dalam tempat simpanan kontena pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 14 Jadual Kedua.

(2) Caj pergerakan tambahan dalam perenggan (1) terpakai juga bagi pengalihan kontena yang disebut dalam perenggan 19(2).

Caj membuka dan menutup penutup petak

21. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj membuka dan menutup penutup kepada Suruhanjaya bagi membuka dan menutup penutup petak di atas vesel pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 15 Jadual Kedua.

Caj penyimpanan bagi kontena atau kargo pecah pukal dalam SBK

22. (1) Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj penyimpanan bagi kontena atau kargo pecah pukal dalam SBK kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 16 Jadual Kedua.

(2) Jika kontena bermuatan menjadi kosong, kontena bermuatan yang kosong itu tidak boleh diberikan apa-apa tempoh penyimpanan percuma.

(3) Penyimpanan kontena atau kargo pecah pukal dalam SBK boleh diberikan tempoh penyimpanan percuma seperti yang dinyatakan dalam Bahagian 17 Jadual Kedua.

Caj kontena yang ditinggalkan

23. (1) Jika suatu kontena yang disusun di seksyen eksport ditinggalkan oleh vesel dan kemudiannya dihantar ke kereta api atau kenderaan, pengguna pelabuhan itu hendaklah membayar caj kontena yang ditinggalkan itu kepada Suruhanjaya pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 18 Jadual Kedua.

(2) Caj kontena yang ditinggalkan dalam perenggan (1), jika ada, hendaklah menjadi tambahan kepada caj pergerakan tambahan sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang kecil 20.

(3) Jika suatu kontena yang hendak dieksport ditinggalkan oleh satu vesel dan kemudiannya dikirimkan melalui vesel lain, pengguna pelabuhan itu hendaklah membayar caj pergerakan tambahan sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang kecil 20 kepada Suruhanjaya berasaskan bilangan pergerakan tambahan yang terlibat.

(4) Bagi maksud perenggan (3), tempoh penyimpanan percuma bagi kontena yang ditinggalkan hendaklah dikira dari tarikh kontena yang ditinggalkan itu pertama kali diterima.

Caj perkhidmatan kontena sejuk

24. Seseorang pengguna pelabuhan hendaklah membayar caj perkhidmatan kontena sejuk kepada Suruhanjaya bagi perkhidmatan kontena sejuk pada kadar yang dinyatakan dalam Bahagian 19 Jadual Kedua.

BAHAGIAN IV
PELBAGAI

Notis untuk memunggah atau memuat kargo

25. (1) Seseorang pemilik, nakhoda atau ejen sesuatu vesel hendaklah memberikan notis bertulis kepada Pengurus tentang niatnya untuk memunggah atau memuat apa-apa kargo sebelum kerja pemungghahan atau pemuatan itu dimulakan.

(2) Sesuatu kargo yang dipungghah tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Pengurus tidak disifatkan berada dalam jagaan Suruhanjaya dan Suruhanjaya tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kehilangan atau kerosakan pada kargo itu.

Menyimpan kargo untuk pengiriman

26. Sesuatu kargo tidak boleh disimpan di dalam premis Suruhanjaya tanpa kebenaran bertulis Pengurus.

Caj terkurang

27. Suruhanjaya berhak untuk memungut apa-apa amaun caj yang ditentukan sebagai terkurang caj atau yang selainnya didapati kena dibayar.

Caj berlebihan

28. (1) Seseorang pengguna pelabuhan berhak untuk mendapatkan bayaran balik apa-apa caj berlebihan jika suatu tuntutan bagi bayaran balik dikemukakan secara bertulis kepada Suruhanjaya dalam tempoh enam bulan dari tarikh bil penyerahan, bil pengiriman atau apa-apa bil lain yang dikeluarkan kepada pengguna pelabuhan itu.

(2) Seseorang pengguna pelabuhan yang menuntut bayaran balik apa-apa caj berlebihan hendaklah memberikan maklumat penuh yang disokong dengan apa-apa bukti berdokumen yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya.

(3) Jika apa-apa barangan telah diukur atau ditimbang oleh Suruhanjaya dan dipersetujui oleh Suruhanjaya dan pengguna pelabuhan itu, tiada tuntutan untuk mendapatkan bayaran balik boleh diterima oleh Suruhanjaya.

Pembayaran caj

29. (1) Apa-apa pembayaran caj hendaklah dibayar secara tunai melainkan jika seseorang pengguna pelabuhan mempunyai akaun kredit dengan Suruhanjaya.

(2) Jika kemudahan kredit disediakan oleh Suruhanjaya kepada seseorang pengguna pelabuhan, akaun kredit berkenaan dengan kemudahan kredit itu hendaklah dijelaskan dalam tempoh kredit yang dibenarkan, jika tidak, penggunaan seterusnya kemudahan itu tidak akan diberikan sehingga semua caj tertunggak dibayar.

(3) Suruhanjaya boleh, mengikut budi bicaranya sendiri, menganggar dan memungut terlebih dahulu semua caj yang mungkin terakru terhadap mana-mana pengguna pelabuhan.

Tanan yang boleh dikenakan caj

30. (1) Suruhanjaya hendaklah menentukan tanan kargo mengikut satu tan atau satu meter padu, mengikut mana-mana yang lebih besar.

(2) Suruhanjaya boleh mengira tanan kargo mengikut berat muatan atau ukuran padu, mengikut mana-mana yang lebih besar, sama ada manifes vesel atau nota perkapalan diberikan ataupun tidak.

(3) Dalam hal kargo muatan berat melebihi lima tan bagi setiap bungkusan, caj pengendalian dermaga hendaklah berasaskan berat muatan.

Kadar kargo pindah kapal

31. (1) Tertakluk kepada kelulusan Pengurus, sesuatu kargo atau kontena boleh dikenakan kadar kargo pindah kapal jika kargo atau kontena itu memenuhi syarat yang berikut:

- (a) kargo atau kontena pindah kapal hendaklah diisytiharkan untuk dipindahkan kapal di Pelabuhan Pulau Pinang sekurang-kurangnya dua belas jam sebelum ketibaan vesel yang memungguh;
- (b) kargo atau kontena pindah kapal hendaklah dipungguh oleh vesel yang memungguh ke atas dermaga Suruhanjaya dan berada dalam jagaan Suruhanjaya sehinggalah kargo atau kontena pindah kapal itu dipindahkan kapal; dan
- (c) kargo atau kontena pindah kapal hendaklah dikapalkan semula oleh Suruhanjaya melalui vesel yang lain di dermaga Suruhanjaya.

(2) Kadar kargo pindah kapal terpakai hanya bagi kargo atau kontena yang didaratkan dari vesel yang berukuran PK yang melebihi dua ratus lima puluh meter dan dikapalkan semula melalui vesel berukuran PK melebihi dua ratus lima puluh meter.

(3) Kadar kargo pindah kapal tidak terpakai bagi barangan berbahaya di bawah Kumpulan 1, 2 atau 3 Jadual C kepada Undang-Undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1957 dan kenderaan.

Kadar kargo yang dipaletkan atau diunitkan

32. (1) Sesuatu kargo import atau eksport boleh dikenakan kadar kargo yang dipaletkan atau diunitkan jika kargo import atau eksport itu memenuhi syarat yang berikut:

- (a) berat atau isi padu bagi setiap kargo yang dipaletkan atau diunitkan tidak melebihi dua setengah tan atau tidak melebihi ukuran empat meter padu bagi setiap unit yang dipaletkan atau diunitkan;
- (b) kargo hendaklah dimanifestkan dan manifest itu hendaklah diendorskan dengan sewajarnya di pelabuhan kargo itu dimuatkan sebagai telah dipaletkan atau diunitkan dan dokumen import atau eksport hendaklah diendorskan dengan cara yang sama; dan

- (c) kargo yang dipaletkan atau diunitkan itu hendaklah dipunggah atau dimuatkan sebagai satu unit dengan menggunakan trak fokalif.

(2) Mana-mana kargo lain yang tidak ditakrifkan sebagai kargo yang dipaletkan atau diunitkan di bawah Skala Kadar ini boleh diklasifikasikan sebagai kargo tercerai oleh Pengurus dan tertakluk kepada surcaj sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

Caj penyimpanan

33. (1) Bagi maksud caj penyimpanan, hari Ahad dan semua hari kelepasan am di Negeri Pulau Pinang hendaklah dimasukkan dalam pengiraan caj penyimpanan.

(2) Tempoh penyimpanan bagi kargo atau kontena import hendaklah dikira dari tarikh kemasukan dan masa pemunggahan kargo atau kontena import itu sehingga masa kargo atau kontena import itu dikeluarkan dari premis Suruhanjaya.

(3) Tempoh penyimpanan bagi kargo atau kontena eksport hendaklah dikira dari tarikh kemasukan dan masa penerimaan kargo atau kontena eksport itu sehingga masa sebenar penghimpitan vesel yang di atasnya kargo atau kontena eksport itu akan dimuatkan.

(4) Tempoh penyimpanan bagi kargo atau kontena pindah kapal hendaklah dikira dari tarikh kemasukan dan masa pemunggahan kargo atau kontena pindah kapal itu sehingga masa sebenar penghimpitan vesel penyambung.

(5) Caj penyimpanan hendaklah dikira selepas habis tempoh penyimpanan percuma.

(6) Kadar penyimpanan jangka panjang boleh diberikan mengikut budi bicara dan kelulusan Pengurus apabila menerima permohonan bagi kadar penyimpanan jangka panjang.

(7) Jika tarpal digunakan untuk melindungi kargo yang disimpan dalam tempat simpanan terbuka, caj penyimpanan hendaklah dikenakan pada kadar gudang.

(8) Senjata dan peluru tidak boleh diterima untuk penyimpanan oleh Suruhanjaya.

(9) Dalam hal kargo muatan berat melebihi lima tan, caj penyimpanan hendaklah berasaskan berat atau ukuran, mengikut mana-mana yang lebih besar.

JADUAL PERTAMA

CAJ AKAUN VESEL

BAHAGIAN 1 DIUS PELABUHAN [perenggan 4(1)]

<i>No.</i>	<i>PK vesel</i>	<i>Bagi setiap meter atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
Semua vesel kecuali vesel penumpang:		
1.	Vesel sehingga 30 meter	2.00
2.	Vesel antara 31 meter dan 60 meter	2.40
3.	Vesel antara 61 meter dan 90 meter	4.80
4.	Vesel antara 91 meter dan 120 meter	10.00
5.	Vesel antara 121 meter dan 150 meter	21.10
6.	Vesel antara 151 meter dan 200 meter	24.40
7.	Vesel antara 201 meter dan 250 meter	25.00
8.	Vesel antara 251 meter dan 300 meter	25.70
9.	Vesel melebihi 300 meter	26.40
Vesel penumpang:		
1.	Vesel sehingga 60 meter	2.00
2.	Vesel antara 61 meter dan 90 meter	2.40
3.	Vesel antara 91 meter dan 120 meter	5.50

4.	Vesel antara 121 meter dan 150 meter	11.30
5.	Vesel antara 151 meter dan 200 meter	13.30
6.	Vesel antara 201 meter dan 250 meter	14.00
7.	Vesel antara 251 meter dan 300 meter	14.60
8.	Vesel melebihi 300 meter	15.30

BAHAGIAN 2
CAJ MARIN DISATUKAN
[perenggan 5(2)]

No.	PK Vesel	Tahun				
		<i>Tahun Pertama</i>	<i>Tahun Kedua</i>	<i>Tahun Ketiga</i>	<i>Tahun Keempat</i>	<i>Tahun Kelima dan seterusnya</i>
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
1.	Vesel sehingga 30 meter	500.00	580.00	670.00	770.00	800.00
2.	Vesel antara 31 meter dan 60 meter	1,370.00	1,450.00	1,550.00	1,570.00	1,600.00
3.	Vesel antara 61 meter dan 90 meter	2,310.00	2,450.00	2,630.00	2,740.00	2,800.00
4.	Vesel antara 91 meter dan 120 meter	3,260.00	3,460.00	3,700.00	3,800.00	3,900.00
5.	Vesel antara 121 meter dan 150 meter	3,680.00	3,900.00	4,180.00	4,390.00	4,500.00
6.	Vesel antara 151 meter dan 200 meter	7,350.00	7,810.00	8,370.00	8,720.00	8,900.00
7.	Vesel antara 201 meter dan 250 meter	11,030.00	11,710.00	12,550.00	12,650.00	12,800.00

8.	Vesel antara 251 meter dan 300 meter	12,600.00	13,380.00	14,340.00	14,460.00	14,800.00
9.	Vesel melebihi 300 meter (RM)	14,700.00	15,610.00	16,730.00	17,430.00	17,800.00

BAHAGIAN 3
CAJ PERKHIDMATAN PEMALIMAN
[perenggan 6(1)]

<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap meter PK bagi setiap jam bagi setiap pergerakan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
Memalimkan vesel bagi pergerakan di dalam daerah pemaliman	3.60

BAHAGIAN 4
CAJ PENAHAN PEMALIMAN
[perenggan 7(2)]

<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
Penahanan malim	240.00

BAHAGIAN 5
CAJ BAGI PERMINTAAN LEWAT, PERUBAHAN ATAU PEMBATALAN
PERKHIDMATAN PEMALIMAN
[perenggan 8(2)]

<i>No.</i>	<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap pergerakan (RM)</i>
1.	Notis diberikan kurang dari satu setengah jam sebelum ketibaan vesel	600.00
2.	Notis diberikan kurang dari setengah jam sebelum perlepasan atau penganjakan vesel di dalam daerah pemaliman	600.00

BAHAGIAN 6
CAJ PERKHIDMATAN PENUNDAAN
[perenggan 9(1)]

<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap meter PK bagi setiap bot tunda bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
Setiap vesel di dalam daerah pemaliman	7.20

BAHAGIAN 7
CAJ PENAHANAN BOT TUNDA
[perenggan 10(2)]

<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap bot tunda bagi setiap setengah jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
Penahanan bot tunda	240.00

BAHAGIAN 8
CAJ BAGI PERMINTAAN LEWAT, PERUBAHAN ATAU PEMBATALAN
PERKHIDMATAN PENUNDAAN
[perenggan 11(2)]

<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap bot tunda bagi setiap pergerakan (RM)</i>
Notis diberikan kurang dari setengah jam sebelum masa perkhidmatan penundaan itu diminta, diubah atau dibatalkan	600.00

BAHAGIAN 9
CAJ PENGGUNAAN HIMPITAN
[perenggan 12(3)]

<i>No.</i>	<i>Vesel</i>	<i>Bagi setiap meter bagi setiap jam atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1.	Vesel kargo am	1.20
2.	Vesel penumpang/vesel tentera laut	1.10
3.	Vesel tangki untuk minyak sayuran	4.10
4.	Vesel tangki untuk produk cecair:	
	(a) barangan berbahaya	5.10
	(b) barangan tidak berbahaya	4.60
5.	Vesel pukal kering	1.70
6.	Vesel kontena	1.70
7.	Baj yang membawa—	
	(a) kargo am	1.20
	(b) penumpang	0.60
	(c) minyak sayuran	4.10
	(d) produk cecair – barangan berbahaya	5.10
	(e) produk cecair – barangan bukan berbahaya	4.60
	(f) pukal kering	1.50
	(g) kontena	1.70

BAHAGIAN 10
CAJ PENUMPANG
[undang-undang kecil 13]

<i>No.</i>	<i>Perihal penumpang</i>	<i>Bagi setiap seorang (RM)</i>
1.	Dewasa	7.60

2.	Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun	3.90
----	------------------------------------	------

JADUAL KEDUA

CAJ AKAUN PENERIMA KONSAIN ATAU PEMBERI KONSAIN

BAHAGIAN 1
CAJ AM
[perenggan 15(1)]

<i>No.</i>	<i>Perihal kargo</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>	<i>Bagi setiap unit (RM)</i>
1.	Kargo pukal: (a) bijih logam (b) kargo lain	0.80 1.20	- -
2.	Kargo pecah pukal/kargo yang dikontenakan	1.40	-
3.	Kargo pecah pukal/kargo yang dikontenakan yang layak untuk kadar pindah kapal dan pindah kapal terus dari vesel ke vesel bagi setiap operasi	0.70	-
4.	Motokar, gerabak dan treler	-	6.00
5.	Lori, bas, trak, van atau kenderaan lain	-	12.00
6.	Mel atau bungkusan mel	-	0.70

BAHAGIAN 2
CAJ PESISIR DEPAN JETI PERSENDIRIAN, PEPASANGAN DAN TERMINAL
[perenggan 16(1)]

<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
Setiap kargo yang melintasi pesisir depan	2.00

BAHAGIAN 3
CAJ PENGENDALIAN DERMAGA BAGI PENGENDALIAN KARGO DI DERMAGA
SURUHANJAYA
[perenggan 17(1)]

<i>No.</i>	<i>Kargo</i>	<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1.	Pecah pukal	(a) Terus ke kenderaan atau gerabak kereta api atau sebaliknya	4.10
		(b) Ke kenderaan atau gerabak kereta api melalui bangsal atau kawasan terbuka atau sebaliknya	8.20
2.	Kayu balak	(a) Terus ke kenderaan atau gerabak kereta api atau sebaliknya	7.60
		(b) Ke kenderaan atau gerabak kereta api melalui bangsal atau kawasan terbuka atau sebaliknya	10.70
3.	Pukal kering	Terus ke kenderaan atau gerabak kereta api atau sebaliknya	2.40
4.	Pukal cecair	Saluran paip persendirian: (a) barangan berbahaya	1.90
		(b) barangan tidak berbahaya	1.80
5.	Kargo yang beratnya melebihi 5 tan sehingga 15 tan	(a) Terus ke kenderaan atau gerabak kereta api atau sebaliknya	14.00
		(b) Ke kenderaan atau gerabak kereta api melalui bangsal atau kawasan terbuka atau sebaliknya	22.00
6.	Kargo yang beratnya melebihi 15 tan	(a) Terus ke kenderaan atau gerabak kereta api atau sebaliknya (b) Ke kenderaan atau gerabak	19.50

	metrik	kereta api melalui bangsal atau kawasan terbuka atau sebaliknya	32.50
--	--------	---	-------

BAHAGIAN 4
CAJ PENGENDALIAN DERMAGA BAGI PENGENDALIAN KENDERAAN MOTOR
DI DERMAGA SURUHANJAYA
[perenggan 17(2)]

<i>No.</i>	<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap unit (RM)</i>
1.	Motokar atau treler	41.00
2.	Lori, bas, trak, van atau kenderaan lain	82.00

BAHAGIAN 5
CAJ PENGENDALIAN DERMAGA BAGI PENGENDALIAN KARGO PINDAH KAPAL
DI DERMAGA SURUHANJAYA
[perenggan 17(3)]

<i>No.</i>	<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap tan atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1.	Bungkusan sehingga 5 tan	11.50
2.	Bungkusan melebihi 5 tan sehingga 15 tan	30.40

BAHAGIAN 6
CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO IMPORT DI DALAM GUDANG ATAU
TEMPAT SIMPANAN TERBUKA
[subperenggan 18(1)(a)]

<i>Perihal</i>	<i>Tempoh penyimpanan</i>	<i>Bagi setiap tan bagi setiap hari atau sebahagian daripadanya yang dikira dari hari pertama penyimpanan sehingga hari terakhir penyimpanan (RM)</i>	
		<i>Gudang</i>	<i>Tempat simpanan terbuka</i>
Kargo	4 hari atau kurang	Percuma	Percuma

import/kenderaan motor	Lebih dari 4 hari dan hingga 7 hari	0.70	0.40
	Lebih dari 7 hari dan hingga 14 hari	1.70	0.90
	Lebih dari 2 minggu— (a) bagi 2 minggu pertama; dan	23.80	12.60
	(b) bagi setiap minggu berikutnya atau sebahagian daripadanya	24.00	12.10

BAHAGIAN 7
CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO EKSPORT DI DALAM GUDANG ATAU TEMPAT
SIMPANAN TERBUKA
[subperenggan 18(1)(b)]

Perihal	Tempoh penyimpanan	Bagi setiap tan setiap hari atau sebahagian daripadanya yang dikira dari hari pertama penyimpanan sehingga hari terakhir penyimpanan (RM)	
		Gudang	Tempat simpanan terbuka
Kargo eksport/kenderaan motor	7 hari atau kurang	Percuma	Percuma
	Lebih dari 7 hari dan sehingga 14 hari	1.00	0.50
	Lebih dari 2 minggu— (a) bagi 2 minggu pertama; dan	14.00	7.00

	(b) bagi setiap minggu berikutnya atau sebahagian daripadanya	14.50	7.30
--	---	-------	------

BAHAGIAN 8
CAJ PENYIMPANAN BAGI KARGO DI DALAM GUDANG TERIKAT
[subperenggan 18(1)(c)]

<i>No.</i>	<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
1.	Tembakau (bagi setiap 0.25 tan atau sebahagian daripadanya)	1.60
2.	Minuman keras (bagi setiap 100 liter atau sebahagian daripadanya)	2.50

BAHAGIAN 9
CAJ PENYIMPANAN JANGKA PANJANG
[perenggan 18(2)]

<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap tan bagi setiap minggu atau sebahagian daripadanya (RM)</i>
Caj penyimpanan jangka panjang	6.20

BAHAGIAN 10
CAJ PENGENDALIAN DERMAGA BAGI PENGENDALIAN KONTENA, TIDAK
TERMASUK CAJ PEMUNGGAH KARGO YANG MENGGUNAKAN DERIK VESEL
[subperenggan 19(1)(a)]

<i>No.</i>	<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap kontena (RM)</i>		
		<i>Panjang sehingga 20 kaki</i>	<i>Panjang lebih 20 kaki</i>	<i>Panjang lebih 40 kaki</i>
1.	KMP	154.00	231.00	277.00
2.	Kosong	131.00	197.00	236.00
3.	KMK	354.00	531.00	637.00

4.	Pindah kapal	87.00	131.00	157.00
5.	KMP (barangan berbahaya) – Kumpulan 1	222.00	333.00	400.00
6.	KMP (barangan berbahaya) – Kumpulan 2	205.00	308.00	370.00
7.	KMP (barangan berbahaya) – Kumpulan 3	188.00	282.00	338.00

BAHAGIAN 11
CAJ PENGENDALIAN DERMAGA BAGI PENGENDALIAN KONTENA, TIDAK
TERMASUK CAJ PEMUNGGAH KARGO, YANG MENGGUNAKAN KREN PELABUHAN
ATAU TANJAKAN RO-RO
[subperenggan 19(1)(b)]

No.	Perihal	<i>Bagi setiap kontena (RM)</i>		
		<i>Panjang sehingga 20 kaki</i>	<i>Panjang lebih 20 kaki</i>	<i>Panjang lebih 40 kaki</i>
1.	KMP	270.00	405.00	486.00
2.	Kosong	230.00	345.00	414.00
3.	KMK	449.00	674.00	809.00
4.	Pindah kapal	175.00	263.00	316.00
5.	KMP (barangan berbahaya) – Kumpulan 1	390.00	585.00	702.00
6.	KMP (barangan berbahaya) – Kumpulan 2	360.00	540.00	648.00
7.	KMP (barangan berbahaya) – Kumpulan 3	330.00	495.00	594.00

BAHAGIAN 12
CAJ PENGENDALIAN DERMAGA BAGI PENGALIHAN KONTENA YANG
MENGUNAKAN DERIK VESEL
[subperenggan 19(2)(a)]

No.	Perihal	Bagi setiap kontena (RM)				
		Panjang sehingga 20 kaki		Panjang lebih 20 kaki		
1.	Dengan pendaratan dan operasi pengiriman semula	114.00		171.00		
		Bagi kontena dengan panjang lebih 40 kaki (RM)				
		Tahun Pertama	Tahun Kedua	Tahun Ketiga	Tahun Keempat	Tahun Kelima dan seterusnya
2.	Dengan pendaratan dan operasi pengiriman semula	183.00	192.00	197.00	203.00	205.00

BAHAGIAN 13
CAJ PENGENDALIAN DERMAGA BAGI PENGALIHAN KONTENA YANG
MENGUNAKAN KREN PELABUHAN
[subperenggan 19(2)(b)]

No.	Perihal	Bagi setiap kontena (RM)				
		Panjang sehingga 20 kaki		Panjang lebih 20 kaki		
1.	Tanpa operasi pendaratan dan pengiriman semula	86.00		129.00		
2.	Dengan operasi pendaratan dan pengiriman semula	286.00		429.00		
		Bagi kontena dengan panjang lebih 40 kaki (RM)				
		Tahun Pertama	Tahun Kedua	Tahun Ketiga	Tahun Keempat	Tahun Kelima dan seterusnya
3.	Tanpa operasi pendaratan dan pengiriman semula	138.00	144.00	148.00	154.00	155.00
4.	Dengan operasi pendaratan dan pengiriman semula	459.00	480.00	493.00	511.00	515.00

BAHAGIAN 14
CAJ PERGERAKAN TAMBAHAN BAGI KONTENA
[perenggan 20(1)]

<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap kontena (RM)</i>	
	<i>Panjang sehingga 20 kaki</i>	<i>Panjang lebih 20 kaki</i>
Pergerakan tambahan operasi mengangkat atau meletak	65.00	98.00

BAHAGIAN 15
CAJ MEMBUKA DAN MENUTUP PENUTUP PETAK
[undang-undang kecil 21]

<i>No.</i>	<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap operasi (RM)</i>
1.	Membuka penutup petak, meletakkan penutup petak di petak yang bersebelahan dan kemudiannya menutup petak	172.00
2.	Membuka penutup petak, meletakkan penutup petak di dermaga dan kemudiannya menutup petak	172.00

BAHAGIAN 16
CAJ PENYIMPANAN BAGI KONTENA ATAU KARGO PECAH PUKAL DALAM SBK
[perenggan 22(1)]

<i>No.</i>	<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap kontena (RM)</i>	
		<i>Panjang sehingga 20 kaki</i>	<i>Panjang lebih 20 kaki</i>
1.	Kontena kosong (bagi setiap hari)	5.80	11.60
2.	Kontena bermuatan (bagi setiap hari)	11.60	23.30
3.	Kontena terlebih tinggi/terlebih lebar/terlebih panjang (bagi setiap hari)	17.50	35.10

4.	Kargo pecah pukat dalam SBK	Sama sebagaimana caj penyimpanan bagi kargo yang disimpan dalam gudang
----	-----------------------------	--

BAHAGIAN 17
TEMPOH PENYIMPANAN PERCUMA BAGI KONTENA ATAU KARGO PECAH PUKAL
DALAM SBK
[perenggan 22(3)]

<i>No.</i>	<i>Perihal</i>	<i>Bilangan hari atau sebahagian daripadanya</i>
1.	Kontena import KMP bermuatan atau kosong	3
2.	Kontena import sejuk KMK	3
3.	Kontena eksport KMP/KMK bermuatan atau kosong	3
4.	Kontena kargo pindah kapal	14
5.	Kargo import pecah pukat dalam SBK	4
6.	Kargo eksport pecah pukat dalam SBK	7

BAHAGIAN 18
CAJ KONTENA YANG DITINGGALKAN
[perenggan 23(1)]

<i>No.</i>	<i>Perihal</i>	<i>Bagi setiap kontena (RM)</i>	
		<i>Panjang sehingga 20 kaki</i>	<i>Panjang lebih 20 kaki</i>
1.	Kontena KMP/Kosong	114.00	172.00
2.	Kontena KMP termasuk memunggah isinya	380.00	572.00
3.	Kontena KMK	322.00	486.00

4.	Kontena KMK termasuk memunggah isinya	586.00	887.00
----	---------------------------------------	--------	--------

BAHAGIAN 19
CAJ PERKHIDMATAN KONTENA SEJUK
[undang-undang kecil 24]

No.	Perihal	Bagi setiap kontena (RM)	
		Panjang sehingga 20 kaki	Panjang lebih 20 kaki
1.	Perkhidmatan pemantauan di tempat simpanan sejuk (bagi setiap syif)	14.00	28.00
2.	Pemeriksaan sebelum pelayaran	86.00	86.00
3.	Menyambung atau memotong perkhidmatan di atas vesel	22.00	22.00

Dibuat 8 September 2021
[SPPP: K.100/13; PN(PU2)222/VI]

DATUK TAN TEIK CHENG
Pengerusi
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang

Diluluskan 8 September 2021
[MOT.BM (S) 600-2/7/4(6); PN(PU2)222/VI]

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
Menteri Pengangkutan

